

Nama: _____
Kelas: _____ Tarikh: _____

LATIHAN PENGUKUHAN: KATA ADJEKTIF

Markah diperoleh: _____ / 25

Arahan: Jawab semua soalan dengan teliti.

Bahagian A: Pemahaman Kata Adjektif.

1. Kenal pasti dua kata adjektif dalam ayat berikut:

"Bilik itu sangat luas dan bersih selepas dikemas."

(2 markah)

2. Isi tempat kosong dengan kata adjektif yang paling sesuai:

*"Kek coklat itu sangat _____ dan _____ sehingga semua
murid menyukainya."*

(2 markah)

3. Tulis semula ayat berikut dengan menggantikan kata adjektif "tinggi"
dengan kata adjektif lain yang bersesuaian:

"Bangunan itu sangat tinggi."

(2 markah)

4. Nyatakan jenis kata adjektif bagi perkataan "pantas" dalam ayat:

"Ali berlari dengan pantas semasa pertandingan sukan."

(1 markah)

5. Bina satu ayat gramatis menggunakan kata adjektif "malap".

(2 markah)

Bahagian B: Analisis Petikan Berdasarkan Kata Adjektif

Sila baca dan fahami petikan di bawah.

Petikan : Punca-punca Kemosototan Perpaduan dalam Kalangan Rakyat

Perpaduan sangat penting untuk memastikan rakyat hidup dengan aman dan harmoni. Perpaduan juga membantu mewujudkan kehidupan yang stabil dan selesa. Apabila rakyat bersatu padu, negara akan menjadi lebih maju dan aman.

Namun begitu, perpaduan dalam kalangan masyarakat kini semakin lemah. Salah satu punca utama kemosototan ini ialah sikap prasangka buruk antara kaum. Sesetengah individu mudah menyalahkan orang lain tanpa mengetahui perkara sebenar. Sikap seperti ini boleh menyebabkan hubungan menjadi dingin dan kurang mesra.

Selain itu, penggunaan media sosial secara tidak bertanggungjawab turut menjejaskan perpaduan. Ada pengguna yang menyebarkan berita palsu dan mesej provokatif tanpa memikirkan kesannya. Tindakan ini boleh menimbulkan salah faham dan pertelingkahan antara rakyat.

Seterusnya, gaya hidup masyarakat yang semakin pasif dan individualistik turut mengurangkan hubungan antara jiran. Ramai remaja lebih suka menghabiskan masa dengan gajet berbanding bergaul dengan rakan atau jiran yang berlainan kaum. Keadaan ini menyebabkan hubungan menjadi jauh dan kurang erat.

Jika masalah ini tidak ditangani segera, perpaduan negara akan menjadi semakin lemah dan sukar dipulihkan. Oleh itu, semua rakyat perlu mengamalkan sikap toleransi, saling menghormati, dan bekerjasama untuk mengekalkan keamanan serta keharmonian negara.

DISEDIAKAN OLEH: CIKGU SAFUAN

6. Berdasarkan teks petikan di atas, nyatakan 3 kata adjektif.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

(3 markah)

7. Berdasarkan petikan di atas, nyatakan tiga kata adjektif jenis sifat.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

(3 markah)

8. Berdasarkan petikan di atas, nyatakan dua kata adjektif jenis perasaan.

- i. _____
- ii. _____

(2 markah)

9. Berapakah jumlah kata adjektif yang terkandung dalam petikan tersebut?

(2 markah)

10. Bina 3 buah ayat yang mengandungi kata adjektif yang terdapat daripada dalam teks petikan tersebut.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

(6 markah)

SOALAN TAMAT

DISEDIAKAN OLEH: CIKGU SAFUAN